

Bomba menyelamatkan ikan seberat 400 kilogram ditemui di perairan Lahad Datu

# Anak paus terlekat dalam selut

**L**AHAD DATU – Seekor anak paus sepanjang empat meter dengan anggaran berat 400 kilogram (kg) ditemui terdampar selepas terperangkap dalam lumpur dan air cetek di kawasan perairan Batu 7 berhampiran Kontena Terminal Jalan POIC 2 di sini semalam sebelum dilepaskan semula ke laut.

Mamalia itu ditemui terdampar oleh seorang pekerja swasta yang melalui kawasan tersebut dan bertindak menghubungi Balai Bomba dan Penyelamat Lahad Datu.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Lahad Datu, Mazran Mohammad Noh berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada pukul 10.06 pagi sebelum bergegas ke lokasi dan menemui seekor anak paus untuk diselamatkan dan dilepaskan ke laut.

“Awalnya sukar untuk membawa mamalia itu keluar berikutan air yang cetek dan berlumpur tetapi akhirnya bomba dengan bantuan Pasukan Polis Marin (PPM) Lahad Datu menunda anak paus itu menggunakan bot ke laut,” kata beliau ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, mamalia itu dilepaskan tiga kilometer dari jarak asalnya ditemui dan operasi tamat pada pukul 2.17 petang.

Operasi menyelamat itu disertai lima anggota bomba dan 10 anggota PPM.



IKAN paus ditemui terperangkap di perairan Lahad Datu semalam.